

Secara dasarnya purata kelajuan Internet di Sarawak dan Semenanjung adalah sama kerana teknologi yang diguna pakai oleh setiap syarikat pemberi perkhidmatan komunikasi adalah sama. Namun begitu, bagi sesetengah kawasan yang telah mempunyai teknologi yang terkini seperti 4G-LTE dan sambungan fiber optik, terdapat perbezaan kelajuan di sesetengah kawasan termasuk di Semenanjung Malaysia.

Dalam hal ini, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Telekom Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang mengguna pakai teknologi yang terkini seperti Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (*High Speed Broadband – HSBB*) dan Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub Urban Broadband – SUBB*) yang mengguna pakai fiber optik sebagai rangkaian teras dan sambungan ke premis pengguna.

Untuk meningkatkan kemudahan Internet di negeri Sarawak, Kerajaan melalui SKMM dan Telekom Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif baharu seperti berikut :

- (i) sebanyak 6 ibu sawat talian tetap telah berjaya dinaik taraf di bawah projek HSBB Fasa 1 manakala sebanyak 7 ibu sawat lagi sedang dinaik taraf di bawah projek HSBB Fasa 2 bagi membolehkan perkhidmatan Internet sehingga kelajuan 100Mbps dapat disediakan kepada rakyat. Daripada jumlah ini, 2 ibu sawat adalah terletak di Sibu;

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa memberi komitmen untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara terutama wanita miskin dan ibu tunggal agar mereka dapat menjana pendapatan sendiri. Oleh yang demikian, agensi-agensi di bawah Kementerian telah menjalankan program-program pemerkasaan ekonomi kepada wanita melalui program bantuan latihan dan kemahiran, program bantuan melalui geran pelancaran dan program bantuan dari segi logistik dan peralatan. Kementerian juga sedar bahawa golongan wanita khususnya ibu tunggal amat memerlukan bantuan bagi meningkatkan taraf kehidupan keluarga.

Menyedari hakikat tersebut, Kementerian telah mengambil inisiatif dengan merangka satu Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal bagi membantu golongan wanita dan ibu tunggal khususnya untuk memperkasakan

pembangunan ekonomi mereka. Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal ini telah dilancarkan oleh Kementerian pada 22 Oktober 2015. Pelan ini mengandungi tiga (3) Teras Strategik Utama iaitu, (i) Memperkasa Ekonomi Ibu Tunggal, (ii) Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Ibu Tunggal dan (iii) Penyelidikan dan Penyelarasan. Pelan ini telah dirancang dan diterbitkan oleh Kementerian bertujuan menjadikan panduan dan rujukan kepada Kementerian, agensi-agensi di bawah Kementerian serta agensi-agensi lain yang berkepentingan dalam urusan pembangunan negara untuk meningkatkan usaha merancang, merangka dan menjalankan program-program pemerkasaan ekonomi kepada ibu tunggal. Berdasarkan pelan ini juga, agensi-agensi di bawah Kementerian telah menjalankan usaha-usaha untuk merancang dan menambah baik program-program pemerkasaan ekonomi ibu tunggal supaya program yang dijalankan di peringkat Kementerian dapat memberi impak positif dan berkesan kepada pembangunan ekonomi ibu tunggal.

Selaras dengan kewujudan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal, Kementerian telah menubuhkan pasukan "*Task Force*" Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang terdiri daripada 34 agensi Kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memantau dan

membincangkan isu-isu mengenai ibu tunggal di samping memastikan langkah-langkah yang bersesuaian diambil demi menepati sasaran Pelan ini. Susulan daripada kewujudan *task force* tersebut, satu Jawatankuasa Kerja Teknikal ditubuhkan bagi membincangkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal dengan lebih mendalam. Jawatankuasa ini juga berperanan sebagai pemudahcara dan perantara kepada Kementerian dalam memastikan pelaksanaan Pelan ini khususnya dalam memastikan pemerkasaan ekonomi ibu tunggal dan peningkatan kesejahteraan sosial dapat mencapai sasarannya.

Berpandukan Pelan ini juga, Kementerian telah menjalankan *Roadshow* Pelan Tindakan pemerkasaan Ibu Tunggal mengikut Zon di Malaysia pada November 2015 hingga April 2016. *Roadshow* ini dijalankan untuk mewarwarkan kewujudan pelan ini kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, sektor swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat khususnya golongan ibu tunggal. Melalui pelan ini, Kementerian akan menyediakan satu direktori yang megandungi senarai bantuan dari semua kementerian, agensi-agensi Kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan bagi memudahkan ibu tunggal mendapatkan maklumat segera berkenaan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan kepada mereka. Bantuan yang

dimaksudkan adalah bantuan dari segi pinjaman kewangan, modal perniagaan, peralatan, kemahiran dan lain-lain untuk membantu ibu tunggal meningkatkan ekonomi diri dan keluarga lantas dapat mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.

Kementerian juga berusaha untuk memberikan komitmen yang padu kepada golongan ibu tunggal agar mereka dapat meningkatkan pendapatan diri dan keluarga dalam situasi ekonomi yang mencabar ini. Antara tindakan yang bakal dilaksanakan oleh Kementerian kepada golongan ibu tunggal adalah dengan mewujudkan satu pusat sehati atau "*One Stop Centre*" (OSC) di Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara mulai bulan Jun tahun ini bagi memudahkan ibu tunggal mendapatkan bantuan ekonomi dan sosial. Usaha yang diambil dalam memusatkan segala inisiatif dan bantuan ini di bawah satu bumbung yang sama bagi memudahkan ibu tunggal mendapat perkhidmatan yang diperlukan adalah satu langkah "*way forward*" selepas sesi dialog antara ibu tunggal semasa pelaksanaan *roadshow* Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang telah dilaksanakan.